

UMNO tidak mahu individu salah guna dana jadi pemimpin

UM 14 SEP 2002

Oleh LUQMAN HAKIM

BUKIT KAYU HITAM 13 Sept. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO tidak mahu orang yang menyalahgunakan dana untuk menjadi pemimpin dalam parti.

“Kita tidak memihak kepada orang yang menyalahgunakan dana (parti). Jadi, sudah pasti kita tidak mahu orang seperti ini menjadi pemimpin dalam UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kilang Asian Composite Manufacturing Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan polis oleh anggota Puteri UMNO, Elly @ Zalilah Yusof terhadap Ketua Penaja Puteri UMNO, Azalina Othman Said atas dakwaan penyelewengan dalam pergerakan itu.

Walaupun laporan polis mengenai dakwaan penyelewengan dalam Puteri sudah dibuat, Dr. Mahathir berkata, parti boleh menjalankan siasatannya sendiri.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, sebarang aduan mengenai dakwaan salah laku atau penyelewengan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Penjelasan

“Dalam UMNO kita tidak buat laporan polis. Laporan hanya dibuat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin. Saya fikir dia tidak faham apa yang (dia) dibuat,” kata Dr. Mahathir lagi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri memberitahu, parti akan memberikan penjelasan kepada ahli-ahli bahawa sebarang pertelingkahan perlu dilaporkan kepada parti.

Zalilah dalam laporannya di

Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur itu, mendakwa berlaku penyelewengan harta yang dimiliki oleh Puteri UMNO.

Beliau mendakwa empat buah van milik pergerakan itu telah didaftar atas nama orang perseorangan yang mempunyai kaitan dengan Azalina.

Mengenai pendirian lima parti komponen Barisan Nasional berhubung penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar Matematik dan Sains, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu keputusan mereka.

“Kita akan kaji,” katanya yang merujuk kepada kemahuan lima parti berkenaan supaya kerajaan mengekalkan penggunaan bahasa Mandarin bagi mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah aliran Cina.

MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) hanya mahukan pengajaran kedua-dua

mata pelajaran itu menggunakan bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah.

Utusan Malaysia baru-baru ini melaporkan bahawa Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik telah memaklumkan perkara tersebut kepada para pemimpin partinya dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengusaan

Keputusan kelima-lima parti yang mewakili kepentingan kaum Cina itu turut meliputi permintaan agar masa pengajaran bahasa Inggeris di semua sekolah rendah aliran Cina ditambah bagi mempertingkatkan penguasaan murid-muridnya.

Mengenai tindakan Technology Resources Industries Berhad (TRI) membuat laporan polis terhadap pengeluaran invois-invois palsu bernilai RM259.1 juta pada 1998 dan 1999, beliau berkata, mereka berhak bertin-

dak sedemikian jika mendapati berlakunya salah laku dan penyelewengan dana syarikat.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan menegaskan, adalah menjadi tugas Lembaga Pengarah TRI untuk membetulkan keadaan dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung laporan mengenai dakwaan penyelewengan itu semasa ia diterajui oleh Pengerusinya ketika itu, Tan Sri Tajudin Ramli.

Sementara itu ketika ditanya mengenai kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Los Angeles, Amerika Syarikat bahawa Malaysia bukan ‘pak turut’, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak mahu menjadi pengampu kerana perbuatan itu tidak akan dihormati oleh orang lain.

Bagaimanapun beliau sedar bahawa pendirian itu berisiko kerana akan tidak disukai oleh orang lain tetapi ia perlu dihadapi dengan berkata benar.